

GARIS PANDUAN

PELAKSANAAN LATIHAN ELEKTIF JANGKA PENDEK

**DI HOSPITAL
KEMENTERIAN
KESIHATAN MALAYSIA
YANG MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN
PERUBATAN TRADISIONAL
DAN KOMPLEMENTARI**

EDISI KEDUA 2021



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI**

Edisi Pertama 2020

Edisi Kedua 2021

*Semua hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian
dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula,
disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi,
ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau
dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik,
mekanik, penggambaran semula, perakaman dan
sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu daripada
Bahagian Perubatan Tradisional
dan Komplementari*

*Diterbitkan oleh:
Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari
Kementerian Kesihatan Malaysia*

*Reka bentuk muka hadapan oleh:
Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari*

ISI KANDUNGAN

<u>Tajuk</u>	<u>M/S</u>
Penghargaan	3
Senarai Lampiran	4
Senarai Singkatan	5
1. Pendahuluan	6
2. Objektif	6
3. Definisi	6
4. Skop	7
5. Tatacara Permohonan	7
6. Peranan dan Tanggungjawab	8
7. Pertanyaan	10
8. Rujukan	11
Lampiran	12
Sidang Pengarang	26

Penghargaan

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menghasilkan garis panduan ini.

SENARAI LAMPIRAN

<u>Lampiran</u>	<u>Tajuk</u>	<u>M/S</u>
Lampiran A	Senarai Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia yang Menyediakan Perkhidmatan Perubatan Tradisional dan Komplementari	13
Lampiran B	Senarai Institusi Pendidikan Tinggi yang Menawarkan Program Pengajian Perubatan Tradisional dan Komplementari yang Mendapat Akreditasi Penuh dari Agensi Kelayakan Malaysia	14
Lampiran C	Senarai Semak Permohonan Menjalani Latihan Elektif Jangka Pendek di Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia yang Menyediakan Perkhidmatan Perubatan Tradisional dan Komplementari	15
Lampiran D	Carta Aliran Pengendalian Permohonan Pelaksanaan Latihan Elektif Jangka Pendek di Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia yang Menyediakan Perkhidmatan Perubatan Tradisional dan Komplementari	16
Lampiran E	Proses Kerja Permohonan Pelaksanaan Latihan Elektif Jangka Pendek di Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia yang Menyediakan Perkhidmatan Perubatan Tradisional dan Komplementari	17
Lampiran F	Cadangan senarai tajuk yang boleh dikongsikan semasa penempatan pelajar di Unit Perubatan Tradisional dan Komplementari bagi tujuan latihan elektif	18
Lampiran G	Borang Penilaian Latihan Elektif Perubatan Tradisional dan Komplementari oleh Pelajar	19
Lampiran H	Borang Penilaian Latihan Elektif Perubatan Tradisional dan Komplementari oleh Ketua Perkhidmatan Perubatan Tradisional dan Komplementari, Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia	22
Lampiran I	Borang Penilaian Latihan Elektif Perubatan Tradisional dan Komplementari oleh Institusi Pendidikan Tinggi	25

SENARAI SINGKATAN

BPTK	Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari
IPT	Institusi Pendidikan Tinggi
JKN	Jabatan Kesihatan Negeri
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
MoA	<i>Memorandum of Agreement</i>
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia
PT&K	Perubatan Tradisional dan Komplementari

1. Pendahuluan

Pada tahun 2001, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melancarkan Dasar Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) Kebangsaan. Visi dasar ini adalah untuk mengintegrasikan PT&K ke dalam sistem penjagaan kesihatan kebangsaan bagi meningkatkan kesihatan dan kualiti kehidupan rakyat.

Sehubungan itu, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan cadangan KKM untuk mewujudkan Unit PT&K di hospital KKM pada tahun 2006. Tiga (3) buah hospital telah dipilih sebagai projek perintis, iaitu Hospital Kepala Batas di Pulau Pinang, Hospital Putrajaya dan Hospital Sultan Ismail di Johor. Hospital Kepala Batas mula menawarkan perkhidmatan PT&K pada 26 Oktober 2007, diikuti dengan Hospital Sultan Ismail pada 16 Januari 2008 dan Hospital Putrajaya pada 3 Mac 2008. Susulan kejayaan projek perintis ini, perkhidmatan PT&K diperkenalkan di lain-lain hospital KKM dan sehingga kini, terdapat 15 buah hospital yang menyediakan perkhidmatan PT&K di seluruh Malaysia.

Pelaksanaan latihan elektif PT&K ini dapat memberikan peluang kepada pelajar dalam program pengajian PT&K untuk mendapatkan pendedahan berkenaan perkhidmatan PT&K yang ditawarkan di hospital KKM serta prosedur kerja yang terlibat dalam penyampaian perkhidmatan ini.

2. Objektif

- 2.1 Memberi peluang kepada pelajar untuk menjalani latihan elektif PT&K di hospital KKM bagi melahirkan generasi pengamal PT&K yang selamat dan berkualiti.
- 2.2 Memastikan pelaksanaan latihan elektif tidak menjejaskan perkhidmatan PT&K yang diberikan kepada pesakit serta peraturan-peraturan sedia ada dipatuhi oleh pihak Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di hospital KKM.
- 2.3 Sebagai rujukan bagi KKM dan IPT yang menawarkan program pengajian PT&K dalam pelaksanaan latihan elektif PT&K untuk pelajar di hospital KKM.

3. Definisi

3.1 Latihan Elektif

Latihan elektif adalah latihan yang menepati kriteria seperti berikut:

- i. latihan yang berkaitan dengan PT&K sahaja (terhad kepada pelajar bawah program yang berkaitan dengan perkhidmatan PT&K yang ditawarkan di hospital KKM sahaja);
- ii. dilaksanakan secara *one-off*;
- iii. bertempoh antara 1 hari (8 jam) hingga 5 hari bekerja;
- iv. tidak memerlukan *Memorandum of Agreement* (MoA);
- v. dilaksanakan secara pemerhatian atau *observation* sahaja, tiada *hands-on* ke atas pesakit;

- vi. tidak terbuka kepada penempatan secara berkala/ berterusan untuk jangka masa panjang.

3.2 Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)

- 3.2.1 IPT awam atau swasta tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan menawarkan program pengajian PT&K yang mendapat akreditasi penuh oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
- 3.2.2 Pada masa ini, permohonan daripada IPT luar negara tidak diterima.

3.3 Pelajar

- 3.3.1 Individu (warganegara atau bukan warganegara) yang berdaftar dalam program pengajian PT&K yang mendapat akreditasi penuh oleh pihak MQA di IPT yang berdaftar dengan KPT.
- 3.3.2 Pelajar mestilah sedang menjalani tahun praktikal dalam program pengajian PT&K.

3.4 Ketua Perkhidmatan PT&K, Hospital KKM

Ketua Perkhidmatan PT&K, Hospital KKM merujuk kepada Ketua Unit PT&K atau Pegawai Perubatan yang bertanggungjawab ke atas perkhidmatan PT&K yang ditawarkan di hospital KKM yang berkenaan.

4. Skop

- 4.1 Garis panduan ini adalah terpakai untuk latihan elektif PT&K di semua hospital KKM yang menawarkan perkhidmatan PT&K seperti di **Lampiran A**.
- 4.2 Latihan elektif PT&K ini hanya terbuka kepada pelajar berdaftar daripada IPT yang menawarkan program pengajian PT&K yang mendapat akreditasi penuh oleh MQA seperti di **Lampiran B**.

5. Tatacara Permohonan

- 5.1 IPT perlu mengemukakan permohonan latihan elektif PT&K kepada Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK) untuk mendapatkan kelulusan.
- 5.2 Dokumen permohonan perlu dikemukakan untuk semakan BPTK seperti senarai semak di **Lampiran C** sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tarikh latihan elektif.
- 5.3 Permohonan akan diproses mengikut carta aliran seperti di **Lampiran D**.

6. Peranan dan Tanggungjawab

6.1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

- 6.1.1 KKM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kemalangan/kecederaan atau jangkitan penyakit kepada pelajar sepanjang tempoh latihan elektif PT&K.
- 6.1.2 KKM juga tidak akan memberikan sebarang bayaran/ elaun kepada pelajar yang menjalani latihan elektif PT&K di mana-mana hospital KKM.

6.2 Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK)

- 6.2.1 Menguruskan permohonan latihan elektif mengikut proses kerja di **Lampiran E**.
- 6.2.2 Mengumpul dan menganalisa borang-borang berikut secara berkala:
 - i. Borang Penilaian Latihan Elektif PT&K oleh Pelajar (**Lampiran G**);
 - ii. Borang Penilaian Latihan Elektif PT&K oleh Ketua Perkhidmatan PT&K, Hospital KKM yang berkenaan (**Lampiran H**); dan
 - iii. Borang Penilaian Latihan Elektif PT&K oleh IPT (**Lampiran I**).

6.3 Hospital KKM

6.3.1 Sebelum Latihan Elektif

- i. Memastikan setiap permohonan daripada IPT mendapat kelulusan daripada BPTK.
- ii. Menetapkan bilangan pelajar yang boleh menjalani latihan elektif PT&K pada satu-satu masa bagi mengelakkan pertindihan jadual dan kesesakan.
- iii. Penerimaan pelajar untuk latihan elektif PT&K mestilah tidak menjejaskan perkhidmatan yang diberikan oleh pihak hospital KKM kepada pesakit dan juga tidak menjejaskan peluang latihan terhadap anggota KKM sendiri.
- iv. Hospital KKM yang bersedia untuk menerima pelajar perlu memberikan surat persetujuan daripada Pengarah Hospital kepada BPTK dan sesalinan surat kepada Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) yang berkaitan.
- v. Hospital KKM berhak menolak permohonan demi kepentingan perkhidmatan.

6.3.2 Semasa Latihan Elektif

- i. Memastikan pelajar mematuhi peraturan-peraturan hospital sedia ada (contoh: pemakaian kad pelawat).
- ii. Menyediakan buku daftar maklumat pelajar.
- iii. Memantau aktiviti pelajar.
- iv. Tidak bertanggungjawab ke atas kerosakan dan kehilangan peralatan peribadi atau peralatan yang dibekalkan oleh pihak IPT bagi kemudahan pelajar.
- v. Menamatkan latihan elektif PT&K dan melaporkan kepada BPTK dan IPT sekiranya pelajar tidak mematuhi peraturan atau berkelakuan yang boleh mencemarkan nama baik KKM.
- vi. Memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada pelajar dalam latihan elektif PT&K berdasarkan senarai tajuk latihan yang dicadangkan oleh BPTK seperti di **Lampiran F**.

6.3.3 Selepas Latihan Elektif

- i. Menyedia dan mengemaskini pangkalan data latihan elektif PT&K dari semasa ke semasa.
- ii. Mengemukakan kompilasi Borang Penilaian Latihan Elektif PT&K oleh Pelajar yang diisi lengkap kepada BPTK bagi setiap sesi latihan elektif seperti di **Lampiran G**.
- iii. Mengemukakan Borang Penilaian Latihan Elektif PT&K oleh Ketua Perkhidmatan PT&K, Hospital KKM yang diisi lengkap kepada BPTK sekali dalam setahun seperti di **Lampiran H** sekiranya berkenaan.

6.4 Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)

- 6.4.1 Dilarang membuat penambahan bilangan pelajar atau pertukaran pelajar Unit PT&K tanpa kebenaran daripada hospital KKM dan BPTK.
- 6.4.2 Segala urusan kebajikan pelajar adalah di bawah tanggungjawab IPT.
- 6.4.3 Memastikan pelajar mempunyai:
 - i. *Medical Insurance*; dan
 - ii. *Indemnity Insurance*.
- 6.4.4 Mengemukakan Borang Penilaian Latihan Elektif PT&K oleh IPT yang diisi lengkap kepada BPTK dalam masa satu (1) bulan selepas latihan elektif PT&K dilaksanakan seperti di **Lampiran I**.

6.5 Pelajar Semasa Latihan Elektif

- 6.5.1 Mematuhi peraturan dan arahan semasa yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Malaysia.
- 6.5.2 Bertanggungjawab terhadap kerosakan/ kecederaan yang dilakukan atas kecuaiannya sendiri di hospital KKM.
- 6.5.3 Dilarang membuat sebarang aktiviti promosi di hospital KKM tanpa kebenaran.
- 6.5.4 Dilarang menyebarkan atau membocorkan maklumat sulit, data statistik, rekod perubatan dan lain-lain maklumat yang diperolehi semasa latihan elektif PT&K tanpa kebenaran.
- 6.5.5 Dilarang membawa keluar sebarang maklumat berkaitan rekod pesakit, data statistik atau apa-apa maklumat berkaitan unit/ hospital secara fizikal atau elektronik.
- 6.5.6 Dilarang membawa keluar atau mengguna peranti perubatan dan peranti elektronik tanpa kebenaran.
- 6.5.7 Setelah tamat latihan elektif PT&K, pelajar perlu mengisi Borang Penilaian Latihan Elektif PT&K oleh Pelajar yang boleh didapati daripada anggota kesihatan KKM yang bertanggungjawab. Borang yang lengkap diisi perlu diserahkan kepada anggota kesihatan tersebut.

7. Pertanyaan

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi:

Cawangan Dasar dan Perkembangan
Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari
Kementerian Kesihatan Malaysia
Blok E, Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur

Tel	: 03-2279 8100
Faks	: 03-2691 1259
Laman sesawang	: http://tcm.moh.gov.my
Emel	: tcm@moh.gov.my

8. Rujukan

- 1) Garis Panduan Penggunaan Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Tujuan Latihan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Edisi Pertama, 2015.
- 2) Akta Perubatan Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 [Akta 775].
- 3) Garis Panduan Penggunaan Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Tujuan Latih Amal Pelajar / Pelatih Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) Edisi Kedua, 2021.

LAMPIRAN

Lampiran A

SENARAI HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) YANG MENYEDIKAN PERKHIDMATAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (PT&K)

Bil.	Nama Hospital
1.	Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah
2.	Hospital Kepala Batas, Pulau Pinang
3.	Hospital Sultanah Nur Zahirah, Terengganu
4.	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kelantan
5.	Hospital Sultanah Hajjah Kalsom, Pahang
6.	Hospital Sungai Buloh, Selangor
7.	Hospital Rehabilitasi Cheras, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
8.	Hospital Putrajaya, Putrajaya
9.	Institut Kanser Negara, Putrajaya
10.	Hospital Port Dickson, Negeri Sembilan
11.	Hospital Jasin, Melaka
12.	Hospital Sultan Ismail, Johor
13.	Hospital Umum Sarawak, Sarawak
14.	Hospital Wanita Dan Kanak-Kanak Sabah, Sabah
15.	Hospital Duchess of Kent, Sabah

Dikemaskini sehingga November 2021.

Catatan:

Senarai ini akan berubah dari semasa ke semasa sekiranya terdapat perubahan penawaran perkhidmatan PT&K di hospital KKM.

Lampiran B

SENARAI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT) YANG MENAWARKAN PROGRAM PENGAJIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (PT&K) YANG MENDAPAT AKREDITASI PENUH DARI AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)

Bil.	Senarai IPT	Nama Program
1.	<i>INTI International University</i>	<i>Bachelor of Traditional Chinese Medicine (Hons)</i>
2.	<i>Management and Science University</i>	<i>Diploma in Traditional Chinese Medicine</i>
		<i>Bachelor in Traditional Chinese Medicine (Hons)</i>
3.	<i>Southern University College</i>	<i>Bachelor in Traditional Chinese Medicine 3+2 in collaboration with Tianjin University of Traditional Chinese Medicine, China</i>
4.	<i>University Tunku Abdul Rahman (Sungai Long Campus)</i>	<i>Bachelor of Chinese Medicine (Hons)</i>
5.	<i>International Medical University</i>	<i>Bachelor of Science (Hons) in Chinese Medicine</i>
		<i>Bachelor of Science (Hons) in Chiropractic</i>
6.	<i>University of Cyberjaya</i>	<i>Bachelor of Homeopathic Medical Sciences (Hons)</i>
7.	<i>International Institute of Management and Technology</i>	<i>Diploma in Traditional Chinese Medicine (Acupuncture)</i>

Dikemaskini sehingga November 2021.

Catatan:

Senarai ini akan berubah dari semasa ke semasa mengikut senarai terkini yang dikeluarkan oleh MQA.

Lampiran C


SENARAI SEMAK
PERMOHONAN MENJALANI LATIHAN ELEKTIF JANGKA PENDEK DI
HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) YANG MENYEDIKAN
PERKHIDMATAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (PT&K)

BAHAGIAN A : DOKUMEN PERMOHONAN (Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diterima dan diproses) Sila tandakan ✓ pada ruangan yang berkenaan			
Bil.	Dokumen	Pemohon (✓)	Kegunaan Pejabat (✓)
1	Surat permohonan rasmi daripada Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang merangkumi butiran seperti berikut: a) Objektif latihan elektif PT&K; b) Perancangan aktiviti yang akan dilakukan oleh pelajar termasuk jadual latihan sepanjang tempoh latihan elektif PT&K; c) Butiran pelajar yang akan menjalani latihan elektif PT&K; dan d) Butiran tenaga pengajar/pensyarah yang bertanggungjawab semasa latihan elektif PT&K.		
2	Salinan kad pengenalan bagi individu yang tersenarai di 1(c) dan 1(d)		
3	Salinan kad pelajar dan kad pensyarah bagi individu yang tersenarai di 1(c) dan 1(d)		
4	Salinan <i>medical insurance</i> untuk pelajar		
5	Salinan <i>indemnity insurance</i> untuk pelajar		
6	Borang Permohonan Menjalani Latihan Elektif di Fasiliti KKM untuk setiap pelajar (rujuk Lampiran 5B, Garis Panduan Penggunaan Fasiliti KKM Bagi Tujuan Latih Amal Pelajar/Pelatih Pemberi Pendidikan Tinggi Edisi Kedua, 2021)		
BAHAGIAN B : PENERIMAAN PERMOHONAN (Untuk kegunaan Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari)			
Tarikh terima permohonan		Dokumen LENGKAP / TIDAK LENGKAP	
Tindakan		Dokumen DITERIMA DAN AKAN DIPROSES	
		Dokumen TIDAK DITERIMA	
		Nyatakan sebab:	

*Sila gunakan borang ini semasa menghantar dokumen permohonan

Lampiran D

CARTA ALIRAN
PENGENDALIAN PERMOHONAN PELAKSANAAN LATIHAN ELEKTIF JANGKA PENDEK
DI HOSPITAL KKM YANG MENYEDIKAKAN PERKHIDMATAN PT&K



PROSES KERJA
PERMOHONAN PELAKSANAAN LATIHAN ELEKTIF JANGKA PENDEK DI HOSPITAL
KKM YANG MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PT&K

Tanggungjawab	Proses
Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)	a) Membuat permohonan pelaksanaan latihan elektif PT&K kepada BPTK melalui surat rasmi dengan dokumen-dokumen yang berkaitan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tarikh latihan elektif.
Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK)	a) Terima permohonan pelaksanaan latihan elektif PT&K dari IPT. b) Buat semakan sama ada permohonan yang diterima adalah lengkap. c) Jika lengkap, semak sama ada permohonan memenuhi kriteria seperti di 3.1. Jika permohonan tidak lengkap, maklumkan semula kepada IPT yang berkenaan untuk tindakan selanjutnya. d) Jika permohonan memenuhi kriteria, dapatkan input daripada Hospital KKM berkenaan penempatan pelajar melalui surat rasmi. Jika permohonan tidak memenuhi kriteria, permohonan ditolak [rujuk (f)]. e) Memproses permohonan setelah menerima maklum balas Hospital KKM. f) Hantar surat maklum balas keputusan permohonan kepada IPT yang berkenaan dan sesalinan surat kepada Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri dan Pengarah Hospital yang berkenaan.
Hospital KKM	a) Menerima dan mempertimbangkan permohonan pelaksanaan latihan elektif PT&K daripada IPT yang berkenaan melalui BPTK. b) Memaklumkan keputusan kepada BPTK setelah mengambil kira kepentingan perkhidmatan PT&K.

Lampiran F

CADANGAN SENARAI TAJUK YANG BOLEH DIKONGSIKAN SEMASA PENEMPATAN PELAJAR DI UNIT PT&K BAGI TUJUAN LATIHAN ELEKTIF

Bil	Tajuk
Ketua Unit PT&K/ Anggota Kesihatan	
1.	Dasar PT&K Kebangsaan
2.	Polisi, visi dan misi Unit PT&K
3.	Operasi Unit PT&K (contoh: pengendalian pesakit, rekod perubatan pesakit, saringan, dan lain-lain)
4.	Indikasi dan kontraindikasi perkhidmatan PT&K
5.	Garis Panduan Amalan PT&K bagi setiap modaliti di Unit PT&K (carta aliran, rejim rawatan, dan lain-lain)
6.	Pengendalian stok peralatan/ produk PT&K
7.	Aktiviti-aktiviti lain di Unit PT&K
8.	Kajian yang dijalankan sekiranya ada
Pengamal PT&K	
9.	Falsafah PT&K bagi bidang amalan yang berkaitan
10.	Demonstrasi perkhidmatan PT&K
11.	Cara berkomunikasi berkesan antara pesakit dengan pengamal PT&K
12.	Langkah-langkah kawalan penyakit berjangkit (<i>infection control</i>)

Catatan:

Senarai ini akan berubah dari semasa ke semasa mengikut senarai terkini yang dikeluarkan oleh BPTK.

Lampiran G



BORANG PENILAIAN LATIHAN ELEKTIF PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (PT&K) OLEH PELAJAR

1. BUTIRAN LATIHAN ELEKTIF

Unit PT&K	
Tarikh	
Tempoh latihan	

2. MAKLUMAT DEMOGRAFI PELAJAR

Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)	
Bidang Pengajian/ Amalan PT&K	
Tahun Pengajian	

3. PENILAIAN

Sila nyatakan sejauh mana anda setuju dengan setiap kenyataan di bawah dan bulatkan **SATU NOMBOR** daripada skala 1 hingga 4. **Sekiranya anda telah bulatkan pada skala 1 atau 2, sila nyatakan sebab-sebabnya di ruang ulasan.**

1 (Sangat Tidak Setuju)	2 (Tidak Setuju)	3 (Setuju)	4 (Sangat Setuju)
----------------------------	---------------------	---------------	----------------------

3.1 Keberkesanan Latihan Elektif

Bil.	Perkara	Skala				Ulasan
i	Tempoh latihan elektif adalah mencukupi	1	2	3	4	Sekiranya tempoh latihan elektif ini tidak mencukupi, berapa lama tempoh yang dicadangkan - _____
ii	Sesi latihan ini membantu pelajar mencapai objektif latihan yang disasarkan	1	2	3	4	
iii	Kemudahan di Unit PT&K adalah mencukupi untuk melaksanakan latihan elektif (cth bilik rehat/ perbincangan, peralatan, dll)	1	2	3	4	
iv	Saiz ruang di Unit PT&K adalah sesuai untuk latihan elektif	1	2	3	4	

3.2 Kerjasama Anggota Kesihatan KKM

Bil.	Perkara	Skala				Ulasan
i	Mewujudkan suasana latihan yang kondusif.	1	2	3	4	
ii	Ketersediaan memberi bimbingan dan tunjuk ajar (cth: memberi taklimat, demonstrasi dll)	1	2	3	4	
iii	Berkemahiran dalam memberi tunjuk ajar	1	2	3	4	
iv	Ketersediaan menerima maklum balas pelajar (cth: soalan, cadangan, dll)	1	2	3	4	
v	Berinteraksi dengan pelajar secara berkesan	1	2	3	4	

3.3 Kerjasama Pengamal PT&K

Bil.	Perkara	Skala				Ulasan
i	Ketersediaan memberi bimbingan dan tunjuk ajar (cth: Syarahan, demonstrasi, dll)	1	2	3	4	
ii	Berkemahiran dalam memberi tunjuk ajar	1	2	3	4	
iii	Ketersediaan menerima maklum balas pelajar (cth: soalan, cadangan, dll)	1	2	3	4	
iv	Berinteraksi dengan pelajar secara berkesan	1	2	3	4	

3.4 Pengetahuan pelajar selepas latihan elektif

Bil.	Perkara	Skala				Ulasan
i.	Latihan ini memberikan pengetahuan baru tentang Pengurusan Unit PT&K di hospital KKM (cth: polisi, operasi Unit PT&K, dll)	1	2	3	4	
ii.	Latihan ini memberikan pengetahuan baru tentang perkhidmatan PT&K di Unit PT&K, Hospital KKM (cth: garis panduan amalan PT&K di Unit PT&K, indikasi dan kontraindikasi perkhidmatan PT&K, dll)	1	2	3	4	
iii.	Latihan ini memberikan pendedahan bahawa integrasi PT&K dengan perubatan moden adalah:					
	a) Selamat;	1	2	3	4	
	b) Berkualiti; dan	1	2	3	4	
	c) Berkesan.	1	2	3	4	
iv.	Pengetahuan baru daripada latihan ini akan meningkatkan pembelajaran/ kualiti kerja pelajar	1	2	3	4	

- v. Adakah latihan elektif ini memberi pendedahan kepada bidang amalan PT&K yang baru selain daripada bidang amalan yang berkaitan dengan pengajian anda? Sekiranya jawapan anda "Ya", sila nyatakan bidang amalan PT&K tersebut.

- vi. Berapakah bilangan kes pesakit yang anda berinteraksi/ pelajari (cth: temuramah, pemerhatian, dll) sepanjang tempoh latihan elektif?

4. ULASAN

Sila beri ulasan terhadap latihan elektif yang dilaksanakan.

(i) Kebaikan

(ii) Kelemahan

(iii) Cadangan lain sekiranya ada

** Borang ini perlu diisi dengan lengkap dan dikemukakan kepada anggota kesihatan KKM yang bertanggungjawab setelah tamat sesi latihan elektif PT&K*

Lampiran H



**BORANG PENILAIAN LATIHAN ELEKTIF PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI
(PT&K) OLEH KETUA PERKHIDMATAN PT&K, HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA (KKM)**

1. BUTIRAN LATIHAN ELEKTIF

Unit PT&K:	Tarikh:
<u>Institusi Pendidikan Tinggi</u>	<u>Tarikh dan Tempoh latihan</u>
1)	:
2)	:
3)	:

2. PENILAIAN

Sila nyatakan sejauh mana anda setuju dengan setiap kenyataan di bawah dan bulatkan **SATU NOMBOR** daripada skala 1 hingga 4. **Sekiranya anda telah bulatkan pada skala 1 atau 2, sila nyatakan sebab-sebabnya di ruang ulasan.**

1 (Sangat Tidak Setuju)	2 (Tidak Setuju)	3 (Setuju)	4 (Sangat Setuju)
-----------------------------------	----------------------------	----------------------	-----------------------------

Bil.	Perkara	Skala				Ulasan
i.	Latihan ini memberikan pengetahuan dan pendedahan yang relevan berkenaan:					
	a. Pengurusan Unit PT&K di hospital KKM	1	2	3	4	
	b. Integrasi perkhidmatan PT&K dan Perubatan Moden di Unit PT&K, Hospital KKM	1	2	3	4	
	c. Pendedahan tentang perkhidmatan PT&K yang selamat dan berkualiti	1	2	3	4	
ii.	Pengamal PT&K:					
	a. Memberi kerjasama dan berinteraksi dengan baik sesama pelajar	1	2	3	4	
	b. Memberi penjelasan dengan baik berkenaan prosedur/ teknik amalan yang dijalankan	1	2	3	4	
	c. Menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh pelajar dengan baik	1	2	3	4	

iii.	Kemudahan di Unit PT&K/ hospital KKM adalah mencukupi untuk melaksanakan latihan elektif PT&K (cth bilik rehat/perbincangan, peralatan, dll)	1	2	3	4	
iv.	Saiz ruang di Unit PT&K/ Hospital KKM adalah sesuai untuk latihan elektif PT&K	1	2	3	4	
v.	Kandungan latihan elektif PT&K yang ditetapkan oleh KKM adalah bersesuaian dan berpatutan	1	2	3	4	
vi.	Had tempoh latihan elektif PT&K yang ditetapkan oleh KKM adalah bersesuaian	1	2	3	4	Sekiranya had tempoh latihan elektif PT&K yang ditetapkan oleh KKM tidak bersesuaian, berapa lama tempoh yang dicadangkan _____

3. ULASAN

- i. Sila nyatakan kekuatan latihan elektif ini.

- ii. Sila nyatakan kelemahan latihan elektif ini.

- iii. Adakah kandungan latihan elektif PT&K yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di hospital KKM adalah mencukupi?

- iv. Sekiranya jawapan anda pada 3(iii) adalah “tidak”, sila nyatakan alasan anda dan cadangan penambahbaikan sekiranya ada.

- v. Adakah anda bersetuju latihan elektif PT&K ini diteruskan pada masa akan datang?

- vi. Sekiranya jawapan anda pada 3(v) adalah “tidak”, sila nyatakan sebab anda dan cadangan penambahbaikan sekiranya ada.

- vii. Adakah anda bersetuju Hospital KKM yang menyediakan perkhidmatan PT&K dibuka untuk latihan klinikal PT&K (i.e., *hands-on*, latihan jangka masa panjang dan berkala, memerlukan *Memorandum of Agreement*) pada masa akan datang?

- viii. Sekiranya jawapan anda pada 3 (vii) adalah “tidak”, sila nyatakan sebab anda.

ix. Kesan latihan elektif PT&K terhadap perkhidmatan PT&K di hospital KKM :
(Arahan: Sila bulatkan “Ya” atau “Tidak” bagi jawapan setiap pernyataan dibawah)

a) Latihan ini :

- Menjejaskan masa menunggu temujanji rawatan pesakit **(Ya/ Tidak)**
- Menjejaskan masa menunggu pesakit mendapatkan perkhidmatan daripada pengamal PT&K semasa temujanji. **(Ya/ Tidak)**
- Menjejaskan penawaran perkhidmatan anggota kesihatan/ pengamal PT&K kepada pesakit **(Ya/ Tidak)**

Sekiranya jawapan “Ya”, sila kemukakan sebab:

b) Pesakit membuat aduan terhadap latihan elektif PT&K ini. **(Ya/ Tidak)**

Sekiranya jawapan “Ya”, nyatakan aduan tersebut.

c) Kesan lain-lain. **(Ya/ Tidak)**

Sekiranya jawapan “Ya”, sila nyatakan.

Lampiran I



BORANG PENILAIAN LATIHAN ELEKTIF PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (PT&K) OLEH INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT)

1. BUTIRAN LATIHAN ELEKTIF

Institusi Pendidikan Tinggi	
Tarikh latihan Elektif	
Unit PT&K	

2. PENILAIAN

Sila tandakan “√” pada ruang “[]” berdasarkan jawapan bagi setiap pernyataan dibawah

2.1) Adakah latihan elektif ini membantu IPT mencapai objektif yang diinginkan?

Sangat [] Setuju [] Tidak [] Sangat tidak []
setuju setuju setuju setuju

2.2) Adakah latihan elektif ini memberi pengetahuan yang relevan kepada pelajar di IPT berkenaan perkhidmatan PT&K yang selamat dan berkualiti?

Sangat [] Setuju [] Tidak [] Sangat tidak []
setuju setuju setuju setuju

2.3) Bagaimana pelaksanaan latihan elektif ini memberi kesan kepada organisasi anda?

i. Membantu sebagai pelengkap (<i>complement</i>) kepada modul pembelajaran PT&K sedia ada di IPT	Ya [] Tidak []
ii. Membantu dalam penambahbaikan polisi dan piawaian perkhidmatan PT&K di tempat latihan praktikal organisasi anda	Ya [] Tidak []
iii. Lain-lain (Sila nyatakan sekiranya ada) _____ _____	

Sila hantar borang penilaian yang lengkap ke:

Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari
Kementerian Kesihatan Malaysia
Blok E, Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur
Tel: 03-2279 8100
Faks: 03-2691 1259
Emel kepada tcm@moh.gov.my (Perhatian: Cawangan Dasar dan Perkembangan)

* Borang ini perlu diisi dengan lengkap dan dikemukakan kepada BPTK dalam masa satu (1) bulan dari tarikh latihan elektif dilaksanakan.

SIDANG PENGARANG
BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI

PENGARANG

Ms. Teh Li Yin

Dr. Kavitha A/P Agamutu

Dr. Nur Farizah Binti Johari

Ms. Gong Jia Ying

PENASIHAT

Dr. Goh Cheng Soon (Pengarah)



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI
BLOK E, JALAN CENDERASARI
50590 KUALA LUMPUR
Emel : tcm@moh.gov.my
Laman Web : <http://tcm.moh.gov.my>**